

KEPEMIMPINAN WANITA DALAM KESULTANAN ACEH DAR AL-SALAM

Shah Rul Anuar Nordin¹, Khairul Azman Mohd Suhaimy², Fauziah Ani³, Nur Zainatul Nadra Zainol⁴, Nik Kamal Wan Mohamed⁵, Abdul Shakor Borham⁶, Sharifah Khadijah Syed Abu Bakar⁷

¹Pusat Pengajian Umum dan Kokurikulum, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia
shahrul@uthm.edu.my

²Pusat Pengajian Umum dan Kokurikulum, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia
khairula@uthm.edu.my

³Pusat Pengajian Umum dan Kokurikulum, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia
fauziaha@uthm.edu.my,

⁴Pusat Pengajian Umum dan Kokurikulum, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia
nadra@uthm.edu.my,

⁵Pusat Pengajian Umum dan Kokurikulum, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia
kamal@uthm.edu.my,

⁶Pusat Pengajian Umum dan Kokurikulum, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia
shakor@uthm.edu.my,

⁷Pusat Pengajian Umum dan Kokurikulum, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia
khadijah@uthm.edu.my

ABSTRAK

Artikel ini bertujuan untuk menyorot kembali kebijaksanaan politik masyarakat Melayu Islam dalam Kesultanan Aceh Dar al-Salam pada abad ke 17M. Kesultanan Aceh Dar al-Salam merupakan antara kesultanan Islam di dunia yang pernah melantik wanita sebagai ketua negara. Empat orang Sultanah telah berjaya menerajui Kesultanan Aceh pada abad ke 17M dan sekaligus membuktikan bahawa wanita Melayu bijak, berani dan apa yang lebih penting ia dilakukan tanpa menimbulkan kontroversi dalam tatasusila beragama selama 58 tahun. Mereka adalah Sultanah Tajul Alam Safiatuddin Shah (1641-1675), Sultanah Nurul Alam Naqiatuddin Shah (1675-1678), Sultanah Zakiatuddin Inayat Shah (1678-1688) dan Sultanah Zinatuddin Kamalat Shah (1688-1699). Penulisan ini cuba menyingkap pengalaman dan rahsia unik kepemimpinan wanita Melayu Islam dalam Kesultanan Aceh Dar al-Salam pada abad ke 17M melalui metode kualitatif menggunakan pendekatan analisis isi kandungan buku, jurnal serta dokumen berkaitan. Kajian mendapati bahawa sumber kekuatan kepemimpinan wanita dalam Kesultanan Aceh Dar al-Salam pada abad ke 17M adalah para ulama. Gandingan antara umara dan para ulama yang terkenal pada waktu itu seperti Sheikh Nuruddin al-Raniri dan Sheikh Abdul Rauf Singkil berjaya mengekalkan dominasi politik Aceh di persada dunia. Selain itu, cinta kepada ilmu pengetahuan menyebabkan karya-karya tulis para ulama seperti kitab Taj al-Salatun dan fatwa Sheikh Abdul Rauf Singkil dijadikan panduan oleh kepemimpinan wanita pada waktu itu.

Kata kunci: Kepemimpinan, Wanita, Kesultanan Aceh Dar al-Salam.

PENDAHULUAN

Gerakan feminisme seperti *Sisters In Islam* telah mendakwa bahawa wujud ketidakadilan sosial dalam dunia Islam dan kaum wanita ditindas dengan hukum yang ditetapkan oleh Allah dalam al-Quran. Mereka secara konsisten membela nasib kaum wanita contohnya dalam aspek perkahwinan, poligami, talaq, nusyuz, faraid dan politik (Amina Wadud Muhsin 1992). Dakwaan ini dilihat kurang tepat khususnya dalam aspek politik bernegara di Alam Melayu. Ini kerana apabila kita melihat sejarah Kesultanan Aceh Dar al-Salam pada abad ke 17M, kita akan membaca literatur tentang kepemimpinan wanita Melayu Islam yang mengetuai empayar Aceh selama 58 tahun. Mereka adalah Sultanah Tajul Alam Safiatuddin Shah (1641-1675), Sultanah Nurul Alam Naqiatuddin Shah (1675-1678), Sultanah Zakiatuddin Inayat Shah (1678-1688) dan Sultanah Zinatuddin Kamalat Shah (1688-1699).

Selain itu, Aceh juga banyak melahirkan dan memiliki pemimpin, pahlawan dan ilmuan daripada kalangan wanita. Beberapa nama besar umpamanya Laksamana Kemala Hayati, Cut Nyak Dhien, Cut Meutia, Pocut Baren, Pocut Meurah Intan, Puteri Lindung Bulan, Puteri Pahang, Ratu Nihrasiyah Rawangsa Khadiyu, Teungku Fakinah dan Teungku Fatimah pernah mewarnai sejarah Aceh suatu waktu dahulu. Ini membuktikan bahawa wanita Melayu mampu menjadi pemimpin, pejuang, bersama-sama membangunkan negara, hak mereka dijaga dan isu ketidakadilan sosial tidak timbul sama sekali jika syariat Islam benar-benar diamalkan. Islam merupakan agama yang menempatkan kaum wanita sederajat dengan kaum lelaki. Tidak ada perbezaan antara keduanya di dalam Islam. Sebenarnya, masalah ini wujud kerana golongan fenimisme¹ ini melihat dari kaca mata agama Kristian di Barat. Dalam agama Kristian khususnya di zaman *Dark Ages*, memang golongan wanita merupakan kelompok kelas kedua selepas lelaki berbeza dengan agama Islam.

Oleh itu tujuan penulisan ini adalah untuk melihat kembali rahsia kepemimpinan kaum wanita dalam Kesultanan Aceh Dar al-Salam menggunakan metod analisis isi kandungan dokumen. Walaupun begitu, penulisan ringkas ini tidak akan menyentuh perbahasan tentang polemik bolehkah seorang wanita memimpin negara Islam.

KESULTANAN ACEH DAR AL-SALAM SECARA RINGKAS

Teuku Ibrahim Alfian (2005:227) menyatakan bahawa Kesultanan Aceh Dar al-Salam adalah lanjutan daripada pusat penyebaran Islam dan kebudayaan Melayu yang dirintis oleh Kerajaan Samudera Pasai (1250-1524M). Kesultanan Aceh Dar al-Salam (1524-1900M) mendapat gelaran Serambi Mekah dan menjadi pusat baharu menggantikan kedudukan Kerajaan Samudera Pasai dan Kesultanan Melayu Melaka (Teuku Iskandar 1996:xvii-xxvii). Kegemilangan tamadun Melayu di

¹ Mansour Fakih (1996) menyatakan fenimisme adalah suatu gerakan yang mendapat pengaruh agama Kristian bertujuan untuk menukar sistem yang tidak adil menuju sistem yang lebih adil bagi wanita. Manhaj perjuangan mereka adalah akal semata-mata serta mengeneipkan al-Quran dan al-Sunnah.

Aceh terserlah sekitar abad ke 15 hingga abad ke 17 M. Aceh dianggap sebagai penguasa di sebelah Timur/ Alam Melayu dan Khalifah Uthmaniyah di Barat sebagai pasangannya. Aceh juga terkenal sebagai pusat kegiatan agama Islam, penulisan dan kebudayaan Melayu pada abad ke 17M. Berikut adalah silsilah sultan-sultan Aceh menurut Raden Hoesein Djajadiningrat (1982/1983:81):

1. Sultan 'Ali Mughayat Shah atau Raja Ibrahim (1514-1528)
2. Sultan Salahuddin (1528-1537)
3. Sultan 'Alauddin Ri'ayat Shah al-Qahar (1537-1568)
4. Sultan 'Ali Ri'ayat Shah atau Hoesein (1568-1575)
5. Sultan Muda (baharu berumur 4 bulan)
6. Sultan Sri Alam (1576)
7. Sultan Zainal 'Abidin (1577)
8. Sultan 'Alauddin dari Perak atau Mansur Shah (1577-1586). Dibunuh oleh hulubalangnya.
9. Sultan 'Ali Ri'ayat Shah atau Raja Bujang; mangkat dibunuh (1586-1588)
10. Sultan 'Alauddin Ri'ayat Shah Sayyid al-Mukammil anak Firman Shah (1588-1604)
11. Sultan 'Ali Ri'ayat Shah atau Sultan Muda (1604-1607)
12. Sultan Iskandar Muda (1607-1636)
13. Sultan Iskandar Thani 'Alauddin Mughayat Shah (1636-1641)
14. Sultanah Tajul Alam Safiatuddin atau Putri Sri Alam Permaisuri (1641-1675)
15. Sultanah Nurul Alam Naqiatuddin Shah (1675-1678)
16. Sultanah Inayat Shah Zakiatuddin Shah atau Putri Raja Setia (1678-1688)
17. Sultanah Kamalat Shah (1688-1699)
18. Sultan Badrul Alam Syarif Hashim Jamaluddin (1699-1702)
19. Sultan Perkasa Alam Syarif Lamtoei ibn Syarif Ibrahim (1702-1703)
20. Sultan Jamal al-Alam Badrul Munir (1703-1726)
21. Sultan Jauhar al-Alam Amaddin Shah (1726)
22. Sultan Shamsul Alam atau Wandu Tebing (1727)
23. Sultan 'Alauddin Ahmad Shah atau Maharajalela Melayu (1727-1735)
24. Sultan 'Alauddin Johan Shah atau Pucut Aoek (1735-1760)
25. Mahmud Shah atau Tuanku Raja (1760-1781)
26. Sultan 'Alauddin Muhammad Shah atau Tuanku Muhammad (1781-1795)
27. Sultan 'Alauddin Jauhar al-Alam Shah (1795-1824)
28. Muhammad Shah (1824-1836).

Ramai sarjana berpendapat bahawa zaman kegemilangan Kesultanan Aceh Dar al-Salam adalah antara zaman pemerintahan Sultan 'Ali Mughayat Shah (1514-1528) hingga zaman Ratu Tajul Alam Safiatuddin (1641-1675). Selain itu, sultan teragung Kesultanan Aceh Dar al-Salam adalah Sultan 'Ali Mughayat Shah (1514-1530) yang dikenali sebagai perintis kerajaan Aceh, Sultan 'Alauddin al-Qahar (1537-1571), Sultan Iskandar Muda (1607-1636) dan Sri Ratu Tajul Alam Safiatuddin (1641-1675). Menurut A. H. Johns (1984:17-24), pada abad ke 17M Aceh menjadi pusat politik dan pusat pengajian Islam yang terkemuka di Nusantara. Sebagai sebuah negara Islam, banyak masjid dibina antaranya seperti Masjid Bait al-Rahman dan Bait al-Musyadah. Selain itu, di setiap pelusuk kampung ada masjid dan biasanya ia bersaiz sederhana besar. Sekolah-

sekolah dan pusat pendidikan Islam ‘dayah cot kala’ banyak dibina dan murid-muridnya diajar menulis dan mengira di dalam bahasa Arab.

Menurut Darwis A. Soelaiman (1988:4), bahasa rasmi yang dipakai dalam Kesultanan Aceh Dar al-Salam di abad ke 16M adalah bahasa Aceh, Melayu dan Arab. Di samping itu, kehidupan beragama juga berkembang pesat. Agama Islam menjadi ideologi kerajaan dan menjadi cara hidup (*way of life*) masyarakat Aceh. “Adat Makuta Alam” diperkenalkan Pada zaman Sultan Iskandar Muda (1607-1636). Adat-adat yang tidak Islamik dan dipusakai dari zaman Hindu dihapuskan dan diganti dengan Undang-undang Islam. “Adat Makuta Alam” ini bersumberkan al-Qur’an, Hadis, Ijma’ ulama dan Qias. Agama Islam yang terpatri dalam kehidupan masyarakat Aceh memberi keyakinan kepada mereka untuk membela agama Islam dan negara berlandaskan konsep jihad fi sabilillah. (Lukman Thaib 1999:201). Pengaruh Islam tercermin dalam struktur pemerintahan, hukum, perundangan, politik luar negara, peranan ulama dalam pemerintahan, pendidikan dan pertentangan dengan kuasa Barat terutama Portugis dan Belanda.

Aceh juga menjadi pusat kegiatan penulisan kesusasteraan Melayu. Kitab-kitab berbahasa Arab, Aceh dan bahasa Melayu dalam bidang sejarah, agama dan sastera ditulis. Ringkasnya, penulisan kitab jawi di Aceh benar-benar berada di puncaknya. Hal ini ada kaitan dengan peribadi sultan-sultan Aceh misalnya Sultan Iskandar Muda (1607-1636) Sultan Iskandar Thani ‘Alauddin Mughayat Shah (1636-1641) dan Sultanah Tajul Alam Safiatuddin (1641-1675) yang sangat cintakan ilmu pengetahuan. Zakaria Ahmad (1972:107) dalam bukunya *Sekitar Kerajaan Aceh Dar al-Salam, tahun 1520-1675* telah menyatakan bahawa Aceh menjadi tempat tumpuan ulama besar dari segenap penjuru dunia Islam untuk mendapat perlindungan sultan. Selain itu, bumi Aceh juga dihuni oleh ramai ulama *ahl al-Bait*. Hamzah Fansuri, Shamsudin Sumatrani, Nuruddin al-Raniri, Bukhari al-Jauhari dan Abdul Rauf Fansuri adalah termasuk dalam predikat ulama Aceh yang terkenal. Kesemua ulama ini bermazhab Shafi’e dan beraliran Ahli Sunnah Wa al-Jamaah. Ulama ternama dari Mesir, Turki, Arab, Syria dan India telah datang ke Aceh untuk menyebarkan ilmu mereka. Sebagai contoh, terdapat dua orang ulama sufi yang datang ke Aceh pada tahun 990H/1582M iaitu Shaykh Abdul Khaer dan Shaykh Muhammad Yamani yang berasal dari Yaman (Zainuddin, H.M. 1978:252). Kebanyakan pendakwah ini terdiri daripada ahli tarekat dan ahli sufi. Tidak hairanlah ajaran Tasawuf lebih dominan dan berjaya mewarnai kehidupan beragama di Aceh. Berbagai aliran Tasawuf telah lahir. Karya-karya agama juga lebih tertumpu pada Tasawuf dan falsafah. Di Aceh juga telah tersebar amalan tarekat; antara yang terkenal adalah Tarekat Qadiriyyah. Sultan-sultan Aceh mempunyai pegangan Tasawuf yang sangat kuat. Ilmu Tasawuf berjaya membentuk peribadi mulia lalu mendorong mereka untuk mempertahankan kedaulatan Islam dan berjihad tanpa takutkan mati demi membela agama, bangsa dan negara.

KEPEMIMPINAN EMPAT ORANG SULTANAH DALAM KESULTANAN ACEH DAR AL-SALAM

Sultanah Tajul Alam Safiatuddin (1641-1675)

Sultanah Tajul Alam Safiatuddin Syah merupakan wanita pertama yang diangkat menjadi sultanah di Kesultanan Aceh Dar al-Salam. Nama asal beliau adalah Puteri Safiah. Beliau adalah anak sulung Sultan Iskandar Muda (1607-1636) bersama isteri pertamanya Puteri Sani Ratna Sendi Istana dan lahir pada tahun 1612. Beliau merupakan gadis yang rupawan, cerdas dan

berpengetahuan. Susulan daripada kematian Sultan Iskandar Thani (1636-1641) yang tiada mempunyai waris anak lelaki untuk dilantik sebagai sultan, Sultanah Safiatuddin yang merupakan isteri beliau dan anak Sultan Iskandar Muda telah dilantik oleh pembesar negara dan para ulama sebagai sultanah pertama di Aceh. Tiga hari setelah berkabung, para pembesar kerajaan sepakat mengangkat Puteri Safiah menjadi Sultanah. Namun, semasa penobatannya wujud pertentangan pendapat. Ada dua alasan. Pertama, Sultan Iskandar Thani tidak berputera dan kedua, soal kelayakan perempuan menjadi raja. Persoalan tersebut diserahkan kepada ulama karismatik Aceh pada masa itu iaitu Syekh Abdul Rauf Singkel. Beliau menyarankan pemisahan urusan agama dengan urusan pemerintahan. Dari sudut adat dan hukum Islam, Syafiatuddin memenuhi syarat sebagai pemimpin. Sultanah Safiatuddin Syah memerintah selama 35 tahun (1641-1675). Dalam urusan pemerintahan, baginda memberi keutamaan kepada pendidikan, ekonomi dan keagamaan. Pada tahun 1668, misalnya, baginda mengutus ulama-ulama Aceh ke negeri Siam untuk menyebarkan agama Islam. Baginda mendorong para ulama dan cerdik pandai mengembangkan ilmu pengetahuan melalui penulisan kitab-kitab agama.

Dalam aspek ekonomi, beliau mengeluarkan mata wang emas dan menetapkan cukai bagi pedagang asing yang berdagang di Aceh. Di samping perhatiannya kepada kebudayaan dan ilmu pengetahuan, Ratu Safiatuddin juga menaruh perhatian kepada kedudukan kaum wanita. Banyak peraturan yang dibuatnya untuk melindungi kaum wanita. Dalam urusan kenegaraan, beliau membentuk dua lembaga pemerintahan, iaitu Balai Laksamana (Angkatan Perang yang diketuai oleh seorang Laksamana) dan Balai Fardah (Lembaga yang mengatur kewangan kerajaan seperti pungutan cukai dan mengeluarkan mata wang). Selain itu, Sultanah membentuk lembaga tempat bermesyuarat, iaitu Balairung Seri (institusi yang terdiri daripada empat Hulubalang besar Aceh), Balai Gadeng (beranggotakan 22 ulama besar Aceh), Balai Majlis Mahkamah Rakyat (yang dianggotai 73 orang yang mewakili daerah pemukiman). Apa yang menarik adalah di antara 73 anggota dewan tersebut, terdapat sejumlah wanita. Kesultanan Aceh Dar al-Salam pada abad ke 17M semasa pemerintahan Sultanah Tajul Alam Safiatuddin telah mencapai kemajuan yang cukup baik. Nuruddin al-Raniri dalam kitab *Bustan al-Salatin* menulis:

...Banda Aceh Dar al-Salam pada masa pemerintahan Ratu Safiatuddin terlalu makmur, dan makanan pun sangat murah, dan segala manusia pun dalam kesentosaan dan mengikut segala barang sabdanya. Dan ialah yang adil pada segala hukumnya, dan tawakal pada segala pekerjaannya dan sabar pada segala barang halnya, lagi mengerasi segala yang durhaka...

...dan ia haibat pada segala kelakuannya, dan bijaksana pada perkataannya, dan lagi halim perangainya, dan pengasih akan segala rakyatnya, dan lagi syafaat akan segala fakir dan miskin. Dan ialah yang mengasihi dan menghormati segala ulama dan akan anak cucu Rasulullah SAW, yang datang ke Banda Aceh Dar al-Salam, serta dikurniainya dengan sempurnanya. Dan ia raja yang tinggi hematnya, dan amat sangat pemurahnya...

Nuruddin al-Raniri juga memuji pemerintahan Sultanah Tajul Alam Safiatuddin. Hal ini jelas diceritakan dalam bab dua fasal ke tiga belas *Bustan al-Salatin* yang menceritakan kejayaan Sultanah Tajul Alam Safiatuddin Shah yang mengambil tampuk pemerintahan dari suaminya dilihat penuh kehebatan dari segi adat dan kekayaan kerajaan. Nuruddin al-Raniri juga

menyamakan pemerintahan Sultanah Tajul Alam Safiatuddin Shah dengan pemerintahan Sultan Iskandar Thani. (Jelani Harun 2004:368).

H.M. Zainuddin dalam bukunya Srikandi Aceh menyatakan:

... Safiatuddin seorang puteri yang cantik dan bijaksana, gemar sekali kepada syair (sajak) dan mengarang; guru sajaknya Hamzah Fansuri dan guru dalam ilmu Fikih Nuruddin al-Raniri. Selagi masih belum dewasa sampai menjadi permaisuri, banyak mengeluarkan belanja untuk membantu Hamzah Fansuri buat membangun kesusasteraan. Kerananya itu, namanya sangat popular dalam kesusasteraan, dan juga banyak membantu kepada Abdul Rauf untuk mengarang kitab-kitab hukum. Kedua pengarang ini dikirim ke luar Aceh untuk meluaskan pemandangan dan memperdalam ilmunya, iaitu ke Malaya, India, Baitul Maqdis, Baghdad, Madinah dan Mekah ...

Mohammad said dalam bukunya Aceh Sepanjang Abad menyatakan:

... Kelebihan Tajul Alam dalam kenegaraan terlihat pula dari kuatnya dukungan para menteri, orang besar dan para ulama atasnya. Menurut catatan, lembaga kenegaraan Tiga Sagi diadakan oleh Tajul Alam. Dua orang cerdik pandai dan berpengaruh dengan kuat mendokongnya. Mereka adalah Syeikh Nuruddin al-Raniri dan Syeikh Abdul Rauf sendiri. Tampak dengan dokongan ini tiada kekolotan keagamaan dalam membenarkan seorang wanita menjadi raja. Kesanggupan dan ketangkasnya tidak beza dengan apa yang dimiliki raja laki-laki.

Menurut William Marsden (2008:372) didalam bukunya yang bertajuk *History of Sumatra* dan M. Junus Djamil (2009) bertajuk *Gerak Kebangkitan Aceh*, semasa Aceh diperintah oleh Sultanah Safiatuddin, tirai transparan Dewangga Sutura (yang tidak terus menghalang pandangan, cuma menjadikan pandangan tidak jelas) digantung di Balai Besar Kraton Darul Dunia. Pemasangan tirai ini adalah sesuai dengan anjuran kitab *Taj al-Salatin* yang dijadikan panduan atau manual pemerintahan dan ia berterusan ke tahun 1699M di bawah pemerintahan seramai empat orang sultanah secara berturutan.

Sultanah Syafiatuddin adalah seorang pemimpin yang sangat dihormati oleh rakyatnya dan meninggal dunia pada hari Ahad 12 Syaaban 1086 H/ 23 Oktober 1675. Makam baginda boleh diziarahi di Kompleks Baperis Bandar Aceh.

Sultanah Nurul Alam Naqiatuddin Shah (1675-1678)

Sultanah Naqiatuddin adalah puteri Malik Radiat Syah. Puteri Naqiah menjadi Sultanah Aceh pada 1 Syaaban 1086 H (23 Oktober 1675 M) dengan gelaran Seri Ratu Nurul Alam Naqiatuddin, yang memerintah sehingga tahun 1678 M. Masa pemerintahannya adalah selama tiga tahun (1675-1678). Semasa pemerintahannya, beliau membuat perubahan terhadap Undang Undang Dasar Kerajaan Aceh dan Adat Meukuta Alam. Sultanah juga menyempurnakan Adat Meukuta Alam yang telah dirancang oleh Sultan Iskandar Muda. Beberapa peristiwa besar berlaku semasa pemerintahannya iaitu Masjid Bait al-Rahman dan Istana yang banyak menyimpan kitab, emas dan perhiasan telah terbakar. Sultanah Naqiatuddin meninggal dunia pada hari Ahad 1 Zulkaedah 1088 H / 23 Januari 1678 M. Makamnya dalam "Kandang Dua Belas" di Bandar Aceh.

Sultanah Inayat Shah Zakiatuddin Shah (1678-1688)

Puteri Zakiah dilantik menjadi Sultanah Kerajaan Aceh Dar al-Salam dengan gelar Seri Ratu Zakiatuddin Inayat Syah. Beliau memerintah Aceh selama sepuluh tahun (1678-1688). Puteri Zakiah telah dididik dalam istana Dar al-Dunia dengan berbagai ilmu pengetahuan: ilmu undang-undang termasuk hukum tatanegara, sejarah, sastera/ adab, pengetahuan agama Islam, bahasa Arab, Bahasa Parsi, bahasa Sepanyol dan bahasa Inggeris. Ratu Zakiatuddin juga menghadapi tentangan daripada anasir dalam dan luar semasa pemerintahannya. Utusan Syarif Mekah tiba di Aceh pada tahun 1092 H (1681 M) dan tinggal di Aceh selama satu tahun. Mereka kagum akan kemampuan sultanah yang berbicara dalam bahasa Arab tanpa memakai jurubahasa serta kagum akan berbagai bangsa yang tinggal di Banda Aceh, yang kebanyakannya para saudagar. Sultanah Zakiatuddin meninggal dunia pada hari Ahad 8 Zulhijjah 1098 H (3 Oktober 1688 M). Makamnya dalam "Kandang Dua Belas" di Bandar Aceh.

Sultanah Kamalat Shah (1688-1699)

Puteri Kamalah dinobatkan sebagai pemerintah kerajaan Aceh Dar al-Salam pada hari meninggalnya Ratu Zakiatuddin. Puteri Kamalah menjadi Sultanah dengan gelaran Seri Ratu Kamalatuddin Inayah Syah. Kebijaksanaan sultanah sebelumnya diteruskan. Hubungan dengan negara jiran terus dipelihara. Di samping itu, beliau juga telah membuat beberapa perjanjian dengan Inggeris yang memberi keuntungan kepada kerajaan. Pada waktu Ratu Kamalat sedang membangunkan kerajaan dengan perancangan yang telah disahkan oleh Balai Majlis Mahkamah Rakyat, tiba-tiba Syeikh Abdul Rauf Singkel meninggal dunia. Penggantinya sebagai Kadi Malikul Adil yang baharu, tidak cukup kuat untuk menghadapi kaum pembangkang yang akan menjatuhkan sultanah, terutama dengan isu tidak boleh diperintah oleh raja wanita. Malah, Kadi Malikul Adil yang baharu itupun menggabungkan diri dengan golongan tersebut. Akhirnya, Sultanah Kamalat Syah turun tahta pada tarikh 20 Rabiul'awal 1109 H (1699 M), dan pada hari itu juga dinobatkan suaminya Syarif Hasyim menjadi Sultan Kerajaan Aceh Dar al-Salam dengan gelar Sultan Badrul Alam Syarif Hasyim Jamalullail. Berakhirlah pemerintahan sultanah dalam sejarah kerajaan Aceh. Tujuh tahun setelah turun tahta, Ratu Kamalat Syah meninggal dunia pada hari Ahad 28 Zulhijjah tahun 1116 H (1705 M) dan dimakamkan dalam "Kandang Dua Belas" yang terletak dalam kompleks Istana Dar al-Dunia di Bandar Aceh.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Setelah dibuat penelitian melalui analisis isi kandungan dokumen, berikut adalah rumusan serta rahsia kekuatan Sultanah Aceh yang telah memerintah Kesultanan Aceh Dar Al-Salam selama 58 tahun:

1. Islam dijadikan sebagai agama rasmi negara, syariat Islam diamalkan dan undang-undang hudud Islam dilaksanakan.
2. Menyelesaikan dahulu tanggungjawab kepada keluarga (suami dan anak-anak). Seorang pemimpin wanita mesti menjaga aurat (badan dan suara) dan mengeluarkan perintah daripada belakang tirai. Ini kerana suara wanita tidak boleh didengar oleh lelaki kecuali daripada

belakang tirai. Contohnya, seperti penggunaan tirai *dewangga sutera* di Balai Besar Kraton Dar al-Dunia, Bandar Aceh.

3. Sekiranya layak bagi seorang wanita memegang kepemimpinan yang menyamai lelaki, dia seharusnya mempunyai penasihat lelaki yang muhrim bagi membantu melancarkan peranan dan tanggungjawabnya di samping dapat menjaga dan melindungi batas-batas dan fitrahnya sebagai wanita dari perspektif Islam. Perkara ini selaras dengan panduan daripada kitab *Taj al-Salatin* bahawa wanita sebenarnya boleh memimpin dengan baik tetapi syaratnya dia mestilah didampingi oleh lelaki. Pemerintahan empat orang sultanah dalam Kesultanan Aceh Dar al-Salam didampingi oleh suami masing-masing atau ulama berkarisma iaitu Syeikh Abdul Rauf Singkil.
4. Gandingan umara dan ulama. Sumber kekuatan kepemimpinan wanita Melayu dalam Kesultanan Aceh Dar al-Salam pada abad ke 17M ialah ulama. Pengaruh ulama sangat besar di Aceh kerana mereka adalah penasihat ketua negara. Gandingan umara dan ulama dalam mentadbir negara juga diperkasakan apabila Syeikh Abdul Rauf Singkil menjadi penasihat kepada empat orang sultanah yang memerintah Aceh selama 58 tahun.
5. Mencintai ilmu dan ulama. Semasa zaman pemerintahan empat orang sultanah Aceh, mereka sentiasa mengekalkan hubungan yang baik dengan ulama terkemuka, fatwa serta panduan para ulama diikuti dan mencintai ilmu pengetahuan. Sultanah Tajul Alam Safiatuddin Shah pernah berguru dengan Syeikh Nuruddin al-Raniri dan Syeikh Abdul Rauf Singkil. Fatwa para ulama diikuti dan karya tulis ulama seperti kitab *Taj al-Salatin* dan *Bustan al-Salatin* dijadikan panduan untuk memerintah sesebuah negara Islam.

KESIMPULAN

Aceh banyak melahirkan dan memiliki pemimpin negara, pahlawan dan ilmuan daripada kalangan wanita. Dapatan kajian menunjukkan bahawa kejayaan unik kepemimpinan wanita Melayu Islam di Aceh adalah kerana syariat Islam dilaksanakan sepenuhnya, wujud gandingan jitu antara umara dan ulama serta mencintai ilmu pengetahuan.

BIBLIOGRAFI

- al-Raniri, Nuruddin. 2004. *Bustan al-Salatin*. Jelani Harun (pngr). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Amina Wadud Muhsin. 1992. *Al-Quran and Women*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti.
- Bukhari al-Jauhari. 1992. *Taj Us-Salatin*. Khalid M Hussain (pnyg.) Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Crone, Patricia. 2004. *Medieval Islamic Political Thought*. Edinburgh: University Press.
- Darwis, A. Soelaiman. 1988. Aceh dalam Konteks Dunia Melayu. *Prosiding Seminar Dunia Melayu*, hlm. 1-9.
- Hasjmy, A. 1961. *Ichtisar Susunan dan Sistem Keradjaan Atjeh di Zaman Sultan Iskandar Muda*. Banda Aceh: t.pt.
- Hasjmy, A. 1977. *Sumbangan Kesusasteraan Aceh dalam Pembinaan Kesusasteraan Indonesia*. Jakarta: Penerbit Bulan Bintang.
- Ibrahim Alfian, Teuku Hj. 2005. Kerajaan Aceh Dar al-Salam: Sebuah Wacana Singkat. *Prosiding Antarabangsa Kesultanan Melayu Nusantara*, hlm. 220-233.
- Iskandar, T. 1996. *Kesusasteraan Melayu Klasik Sepanjang Abad*. Jakarta: Libra.
- Jelani Harun. 2009. *Bustan al-Salatin (The Garden of Kings): A Malay Mirror for Rulers*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Johns, A.H. 1984. From Coastal Settlement to Islamic School and City: Islamization in Sumatra, the Malay Peninsular and Java. *al-Nahdah* 4 (2): 17-24.
- Junus Djamil, M. 2009. *Gerak Kebangkitan Aceh*. Bandung: Bina Biladi Press.
- Khalid M. Hussain (pngr.). 1992. *Taj Us-Salatin*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Lukman Thaib. 1999. Konflik bersenjata Aceh. *Pemikir* 2: 199-219.
- Mansour Fakhir. 1996. *Analisis Gender dan Transformasi Sosial*. Cetakan Pertama. Yogyakarta: Pustaka Pelajar.
- Marsden, W. 2008. *History of Sumatra*. Kuala Lumpur: Oxford University.
- Muhammad Haji Salleh (pngr.). 2001. *Taj al-Salatin*. Yayasan Warisan Johor.
- Zainatul Subhan. 1999. *Tafsir Kebencian Studi Bias Gender Dalam Tafsir al-Quran*. Yogyakarta: Penerbitan Lkis.

Zainuddin, H.M. 1978. *Tarekh Aceh dan Nusantara*. Jakarta Indonesia: t.pt.

Zakaria Ahmad. 1972. *Sekitar Kerajaan Aceh Dar al-Salam, Tahun 1520-1675*. Medan: Menora.